

Penilaian Terhadap Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembinaan Tapak Pelupusan Baru Terhadap Kelestarian di Kuala Pilah, Negeri Sembilan

Noor Aniza Hassan (P81782)

Institut Alam Sekitar dan Pembangunan (LESTARI),
Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600 Bangi, Selangor, Malaysia

Pernyataan Masalah: Pengurusan sisa pepejal merupakan isu utama di Malaysia terutama di kawasan bandar. Isu pengurusan sisa pepejal menjadi semakin rumit apabila tapak pelupusan sedia ada tidak lagi mampu menampung janaan sisa pepejal. Tanah yang terhad menjadi permasalahan utama dalam membuka tapak pelupusan baru. Tapak pelupusan sedia ada juga tidak lagi sesuai digunakan disebabkan kebanyakan tapak pelupusan tersebut telah melebihi jangka hayat yang dibenarkan. Terdapat 296 tapak pelupusan di Malaysia, hanya 165 tapak masih beroperasi, 131 telah ditutup dan hanya 8 sahaja tapak pelupusan yang beroperasi secara sanitari. Skop kajian yang dijalankan meliputi kawasan kajian di daerah Kuala Pilah, Negeri Sembilan sahaja. Kawasan kajian ini dipilih kerana sehingga kini tiada kajian yang seumpamanya dijalankan di kawasan tersebut. Jangka hayat tapak pelupusan sedia ada juga telah kian meruncing dan tapak baru perlu dibuka. Namun begitu, sebelum pembukaan tapak baru banyak isu yang perlu dititikberatkan terutama daripada segi kelestarian. **Objektif:** Oleh itu, objektif utama adalah untuk mengenalpasti hubungkait antara pengurusan sisa pepejal dan pembangunan tapak pelupusan baru di Kuala Pilah. Objektif kedua adalah untuk mengenalpasti impak alam sekitar, sosial dan ekonomi tapak pelupusan kepada pihak berkepentingan. **Metodologi:** Kaedah kajian yang digunapakai di dalam kajian ini adalah berdasarkan teori kajian kepustakaan yang diperolehi daripada laporan jabatan yang terlibat, temubual dan juga borang soal selidik. Fokus dalam kajian ini akan dibahagikan kepada dua pecahan iaitu dari segi pengurusan sisa pepejal di Kuala Pilah dan bagaimana pengurusan tapak pelupusan di Kuala Pilah. Kedua-dua isu ini akan dikaji bagi mengetahui hubungkait diantara bagaimana pengurusan sisa pepejal dan pengurusan tapak pelupusan mempengaruhi pembangunan tapak pelupusan baru di Kuala Pilah. **Kesimpulan:** Dapatan kajian ini akan dapat membantu pihak berkepentingan dalam menguruskan sisa pepejal dan tapak pelupusan dengan lebih lestari. Kajian ini juga membantu pihak berkepentingan dalam mencapai objektif dalam *Local Agenda 21* hasil daripada analisa data yang diperolehi semasa kajian.